

Dr Siti Zainon Ismail



Mohar



Puisi gegarkan Sabak Bernam

Kopratasa, Mohram dan penerima Anugerah Penulisan SEA curi tumpuan khalayak

MIOR Kamarul Shahid (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Darmawi pada Malam Puisi Riong Berita Harian @ Sabak di Sabak Bernam.

Oleh Latifah Arifin
latifah@bharian.com.my



Abdul Ghafar Ibrahim



Tengku Azman Tengku Zainal Abidin

GELANGGANG Malam Puisi Riong @ Sabak bertema Sabak Kita Punya di Dataran Rakyat, Sabak Bernam, Sabtu lalu, 'dihujani' puisi, syair dan gurindam yang berkisar pada ciri khusus Sabak Bernam termasuk sejarah daerah terabit, di samping lagu puisi serta muzik etnik.

Malam Puisi Riong @ Sabak anjuran Berita Harian dan Yayasan Rakyat Malaysia (YASRAM) dengan kerjasama Gerakan Transformasi Rakyat (GTR) dan Sidang Inisiatif Parlimen (SIAP) sebagai pengisian

Sabak Fest 2012 nyata berjaya menghimpunkan semua lapisan umur mahupun bangsa untuk berada di bawah satu bumbung.

Tirai Malam Puisi Riong @ Sabak dimulakan dengan gimik konvoi lebih 30 motosikal berkuasa tinggi oleh belia Sabak Bernam sebelum acara dibuka dengan dendangan selawat dan paluan kompong selamat datang oleh 40 belia daripada pasukan kompong gabungan beberapa kampung sekitar, termasuk Kampung Tepuk Pulai dan Parit Lima, Sungai Besar.

Anak watan daerah Sabak Bernam yang juga guru Sekolah Menengah Agama Tinggi (SMAT) Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Batu 38, Sabak Bernam, Mohd Hairunnur Hairuni yang segak mengebak jubah putih diberi penghormatan membuka gelanggang malam itu dengan sajak ciptaannya, *Sayangku Sabak*.

Sabak menyinar mengharum negara punya anak-anak pintar membuktikan kejayaan

lihatlah ilmuwannya berbakti di desa dan kota ketahuilah hasil buminya mengisi ruang niaga merata ikan segar, kerang mentarang dan segala sifutnya menjadi oleh-oleh utama sekali datang pasti jatuh cinta itulah sayangku Sabak.

Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shadiq menyusul di pentas dengan puisi, Jernih, karya Siti Zaleha M Hashim, dipetik daripada antologi *Kapal Kertas dan Lautan Api* yang mengajak khalayak menyedari kekhilafan dalam menjaga alam sekitar, keluarga dan nilai kemasyarakatan yang semakin pudar ditelan zaman.

Kembalikan sirih kepada puuan kembalikan melur kepada sanggul kembalikan tikar kepada serambi kembalikan pantun kepada lagu kembalikan inang kepada jari adab akan kembali semula membuka pintu-pintu kalbu.

Kumpulan Nasyid Sabak Bernam mengambil alih pentas dengan persembahan rangkaian tiga lagu nasyid popular termasuk *Law Kana Bainana* dan *Insya-Allah*, selain tarian dabus, iaitu sejenis tarian tradisi bugis yang dipersembahkan oleh Kumpulan Budaya Sabak Bernam.

Persembahan lincah Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA) 2005, Abdul Ghafar Ibrahim atau Agi yang mengajak khalayak bersama-sama melagukan sajaknya, *Berikan Daku Malaysia Untukku* mendapat tepukan gemuruh khalayak.

Penerima Anugerah Penulisan

SEA 2005, Dr Siti Zainon Ismail, membawa khalayak membuka lembaran sejarah pembukaan beberapa penempatan utama di sekitar Kuala Lumpur ekoran pembangunan pesat ibu kota khususnya Abdullah Hukum dan Kerinchi sehingga setengahnya memadamkan nama peneroka asal lewat, *Mencari Kerinchi*.

Tolong tunjuk aku lorong ke rumah moyang di Jalan Bangsar dulu di jalur kereta api tidak ada yang tahu malah namanya sudah berganti Lembah Pantai menjadi Mid Valley aku cicit Abdullah Hukum haruskah meneroka lagi mencari Kerinchi?

Kebersahaajaan Dr Siti Zainon berdeklamasi seakan-akan bercerita sambil mengusik sesetengah deklamator, diteruskan Penerima Anugerah Penulisan SEA 2004, Dr Zurinah Hassan, melalui *Syair Sabak Bernam* yang menceritakan kegiatan ekonomi dan kelebihan alam daerah terabit, sambil memberi peringatan berhubung kuasa undi di tangan pengundi.

Kerepek ubi kuah pecal kuih kering sedaplah sungguh semua ini ada dijual di Sg Leman Parit Tujuh.

Hutan simpanan Sungai Karang redup alam berpohon rendang pelbagai jenis burung enggang kicau burung menyambut datang.

Jagalah daerahmu ayuhai tuan jangan disia-siakan segala kemajuan baik-baik membuat pilihan negeri yang satu jangan digadai.



KUMPULAN Budaya Sabak Bernam mempersembahkan tarian dabus.



SALLEHUDDIN Amiruddin (kanan) antara yang hadir pada Malam Puisi Riong @ Sabak.



KUMPULAN Nasyid Sabak Bernam menyampaikan lagu Law Kana Bainana dan Insy-a-Allah.



SANI Sudin dan Usop Kopratasa melagukan Dabus Rohani, Masihkah Kau Ingat dan Permata Untuk Isteri.

Majlis malam itu turut dimeriahkan dengan deklamasi puisi Pengerusi Program Sabak Fest 2012, Darmawi Hamdani lewat *Sabak Kita Punya*, turut ‘mengejutkan’ khalayak akan kebolehannya mendeklamasi puisi, *Sabak Kita Punya*, meskipun pada awal persembahan membuat pengakuan terbuka beliau hanya mencuba-cuba.

Johan Sayembara Puisi Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan 2007, Milyana Arshad yang bergandingan dengan rakan sekerjanya di Universiti Putra Malaysia (UPM), sebagai pengemudi pentas Malam Puisi Riong@Sabak sempat mengusik Darmawi sebaik beliau selepas mendeklamasi puisi.

Meskipun Milyana berbadan dua, kesungguhannya menghidupkan majlis dapat dilihat melalui usik-mengusik penyair dan rakan setugasnya, Shahrul Nizar, mencuri perhatian khalayak ketika mendeklamasi, *Wabak Pembangunan* dengan gaya melagukan sajak tanpa muzik (mestamu).

Penggiat teater dan pelakon filem yang pernah ‘menghangatkan’ hati khalayak melalui watak jahat dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa dan Bunohan*, Wan Hanafi Su membuka ‘silat’ puisinya, *Rindu*, sambil bermain seruling menerima tepukan gemuruh daripada peminatnya yang hadir pada Malam Puisi Riong @ Sabak.

Tidak ketinggalan, Malam Puisi Riong@Sabak turut menampilkan bakat terpendam daripada Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Mohd Poad Jelani menerusi puisi *Sejenak Ini*; EXCO Pemuda UMNO yang juga Pengerusi Sekretariat Hal Ehwal Bandar (SHEB), Tengku Azman Tengku Zainol Abidin (*Semalam, Esok dan Hari Ini*) dan Pengarah Institut Pendidikan Guru

(IPG) Kampus Pendidikan Islam Bangi, Osman Hussain (*Sebelum Terlambat*).

Ahli kumpulan Mohram, Muhardiman Ismail, memegunkan khalayak Malam Puisi Riong@Sabak dengan gemersik tiupan seruling melalui dua lagu yang dipetik daripada album solonya, sebelum pentas disambut Kumpulan Kopratasa yang diwakili dua anggotanya, Sani Sudin dan Usop.

Usop sempat memerli penganjur kerana baru pertama kali diberi ruang beraksi di pentas Malam Puisi Riong, manakala rakannya, Sani pula ‘mengusik’ khalayak ‘bakal menyampaikan lagu yang belum pernah didendangkan’, sebelum beraksi dengan gaya ‘nakal’ ketika melakukan *Dabus Rohani*, *Masihkah Kau Ingat* dan *Permata Untuk Isteri*.

Acara yang ditutup dengan nyanyian Pensyarah Seni, Jabatan Sains Sosial IPG, Kampus Pendidikan Islam Bangi, HM Noor yang mengajak khalayak menyanyikan bersama lagu ciptaan mereka, yang juga lagu tema Sabak Fest 2012, *Satu Sabak Satu Malaysia*.

Khalayak Malam Puisi Riong@ Sabak turut berkesempatan menjamu selera melalui kudapan yang diberi secara percuma, selain membeli makanan ringan, produk kesihatan dan lukisan potret yang disediakan di gerai jualan di lokasi program bagi menambah keselesaan khalayak pada program yang berlangsung secara santai.

Kehadiran pelakon filem *KL Gangster*, Sofi Jikan yang memberi sokongan kepada deklamator yang beraksi di pentas puisi, turut mencuri tumpuan peminatnya, khususnya remaja dan kanak-kanak yang menggunakan kesempatan terbabit untuk bergambar, selain mendapatkan tandatangannya.